

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JAN 2015

# Pekerjaan tidak kurang

» *Pertumbuhan mungkin sedikit kesan daripada situasi ekonomi global*

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Sophia Ahmad  
bhnews@bh.com.my

PetalingJaya

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, pemberhentian pekeija dijangka tidak akan berlaku di negara ini meskipun Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK) tahun ini disemak semula kepada antara 4.5 - 5.0 peratus, lebih rendah berbanding 5.0-6.0 peratus sebelumnya.

Namun, Perdana Menteri berkata, situasi berkenaan mungkin menyaksikan pertumbuhan jumlah pekeijaan baharu yang lebih perlahan tetapi tidak berkurangan kerana negara kini bukan berdepan krisis ataupun kegawatan.

"Saya tidak fikir akan berlaku pemberhentian dan pengurangan pekerja ataupun pendapatan mereka akan berkurangan.

## **Pekeijaan bertambah**

"Tetapi ini (pertumbuhan ekonomi lebih perlahan) mungkin bererti kegiatannya adalah perlahan sedikit. Kalau daripada segi perniagaan ataupun daripada segi jumlah pekeijaan baharu yang ditawarkan mungkin ada sedikit pengurangan.

"Bilangan pekeijaan tetap bertambah cuma kadar pertumbuhannya nanti mungkin sedikit kesan daripada pengurangan pertumbuhan ekonomi global," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas kesan unjuran pertumbuhan ekono-



Najib menjawab soalan Pengarah Eksekutif Khazanah Nasional Bhd, Datuk Charon Wardini Mokhzani pada rakaman rancangan Soal Jawab di Sri Pentas TV3, Bandar Utama, malam tadi.

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

mi yang lebih perlahan pada tahun ini kepada sektor pekerjaan pada rancangan *Soal Jawab* disiarkan TV3, malam tadi.

Najib yang juga Menteri Kewangan kelmarin menyampaikan keputusan khas berhubung perkembangan ekonomi semasa dan kedudukan kewangan negara, bagi menjelaskan dan mengumumkan strategi proaktif dalam melindungi pertumbuhan ekonomi negara yang menerima kesan negatif berikutan kejatuhan harga minyak mentah global, ketidakpastian aliran modal serta ramalan ekonomi global yang suram.

Bank Dunia pada awal bulan ini, menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi global kepada 3.0 peratus pada tahun ini berbanding 3.4 peratus sebelumnya.

Perdana Menteri berkata, apabila pertumbuhan ekonomi global telah dikaji semula oleh Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa

(IMF) pada kadar lebih rendah, maka beberapa ekonomi utama seperti China juga diramal lebih rendah.

Najib juga menjelaskan penurunan nilai ringgit yang berlaku kini adalah lebih kepada tindak balas pasaran susucim kejatuhan harga minyak global dan tidak mencerminkan kedudukan fundamental ekonomi negara.

## **Reaksi pasaran**

"Ini adalah reaksi pasaran kepada kejatuhan harga minyak. Bila mereka (pelabur) merasakan bahawa hasil negara akan berkurangan dan mungkin kadar pertumbuhan akan menurun sedikit serta akaun dagangan negara menerima tekanan, maka akan berlaku juga penyusutan pada nilai mata wang," katanya.

Ditanya mengenai Malaysia Development Bhd (IMDB), Perdana Menteri berkata, dengan barisan kepimpinan semasa, ia mampu memberi man-

faat kepada Malaysia walaupun berdepan pelbagai isu.

"IMDB adalah syarikat pelaburan kerajaan dalam usaha meningkatkan lagi pelaburan strategik untuk Malaysia termasuk juga dengan rakan luar negara.

"Ramai yang tidak sedar bahawa kerajaan hanya menyumbang RMI juta sahaja dari segi saham. Tetapi kini IMDB mempunyai aset melebihi RM50 bilion. Di samping itu, memang mereka (IMDB) mempunyai hutang yang agak besar, tetapi hutang itu kalau dibandingkan antara aset dengan liabiliti, maka asetnya adalah lebih tinggi daripada liabiliti. Itu perlu kita sedar," katanya.

Najib juga berkata, terdapat pelbagai perancangan untuk memantapkan IMDB, termasuk pelaksanaan tawaran awam permulaan (IPO) bagi aset penjana tenaga serta projek pembangunan Bandar Malaysia serta Tun Razak Exchange (TRX).